

Faktor Pendorong yang Mempengaruhi Keputusan Melanjutkan Pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi di kalangan Staf Kerajaan dan Swasta  
(*The Motivating Factors that Influence the Decision to Further Study at Insitutes of Higher Learning among Company Staff*)

MOHD RIDZUAN BIN NAEMAT, MOHD NOR KHAIRIL, MOHD RADZUAN HARUN,  
AZHAR AHMAD & LOKHMAN HAKIM OSMAN

ABSTRAK

Pasaran kerja kini lebih bersifat dinamik akibat perubahan pesat dalam penggunaan teknologi dan kepelbagaian pengetahuan yang semakin disyaratkan. Pelbagai isu mula timbul apabila wujudnya persaingan dalam pemilihan kerjaya dan kriteria yang disyaratkan oleh majikan. Oleh itu, pendidikan dilihat sebagai aspek terpenting dalam menentukan hala tuju kerjaya dan sebagai penyelesaian bagi senario kehidupan masa kini. Oleh itu, kajian tinjauan berbentuk kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik dilakukan kepada 150 kakitangan di tiga (3) organisasi di Kuala Lumpur untuk mengenalpasti faktor yang mendorong mereka terhadap keputusan melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan. Dapatan kajian menunjukkan faktor sendiri untuk melanjutkan pelajaran atas inisiatif sendiri merupakan faktor paling tinggi dalam mendorong keputusan kakitangan tersebut. Hasil kajian ini disarankan agar pihak majikan memberikan peluang serta insentif yang boleh menggalakkan pekerjaannya untuk melanjutkan pelajaran bagi mempertingkatkan martabat ilmu dan profesion masing-masing.

Kata kunci: faktor pendorong, kerjaya dan pengajian tinggi.

ABSTRACT

*Nowadays, the job market is now more dynamic due to rapid changes in the world of technology and the growing diversity of knowledge required. Various issues arise when there is competition in the selection of the next career criteria required by the employer. Therefore, education is seen as the crucial factor in determining the direction of his career and as a solution for this scenario. Thus, the methodology of study focused on quantitative information which involved a total of 150 respondents in three (3) organizations in Kuala Lumpur by using questionnaires to identify factors that promote decision to further their studies in the local higher learning institutions. The findings showed that opportunity to further studies on their own initiative is the highest factor in boosting the level of awareness among the employees. Therefore, the findings of this study suggested that employers provide opportunities and incentives to encourage staff to pursue their studies in order to improve their knowledge and for the betterment of their career development.*

*Keywords: influencing factors, careers and learning institutions*

## PENGENALAN


Transformasi pendidikan negara membolehkan IPT menjadi platform utama bagi melahirkan tenaga kerja mahir sama ada pengajian sepenuh masa mahupun separa masa. Institusi Pengajian Tinggi terdiri daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Utara Malaya (UUM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) banyak membuka peluang dengan menawarkan pengajian separuh masa bagi golongan yang sedang bekerja melanjutkan pelajaran. Pendidikan dan kerjaya adalah dua perkara utama yang sangat sinonim. Namun begitu, terdapat beberapa faktor tentang kesedaran terhadap peluang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi di kalangan penjawat awam di Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Pertubuhan Peladang dan Watsons.

### Penyataan Masalah

Cabaran terhadap IPT hari ini adalah persaingan antara sesama Universiti Awam itu sendiri. Masing-masing ingin menarik kemasukan pelajar ke universiti mereka melalui pelbagai kaedah. Persoalan yang sering menjadi perbualan adalah seperti adakah ibu bapa, kawan-kawan

dan masyarakat mempengaruhi keputusan seseorang mengenai pendidikan dan masa depan mereka, sekiranya keputusan yang dibuat turut mengambilkira tentang imej atau reputasi sesebuah universiti adakah pilihan tersebut lebih baik dan bagaimanakah tanggapan pelajar terhadap imej universiti yang baik. Begitu juga soalan kebiasaan seperti adakah hari terbuka universiti, kunjungan ke sekolah-sekolah, dan iklan di suratkhbar turut menjadi faktor pemilihan pelajar ke universiti serta adakah taktik universiti ini berjaya melariskan pemasaran mereka menjadi.

Maklumat yang diterima adakalanya tidak relevan dan sekiranya pelajar tersilap membuat pemilihan, pelajar mungkin akan mengalami masalah di pertengahan semester seandainya universiti tersebut tidak mampu memberikan khidmat yang terbaik. Setiap kursus yang dipilih mestilah sesuai dengan jiwa pelajar, namun jika dilihat sekarang, terdapat ramai pelajar yang menyerahkan keputusan untuk memilih samaada kursus atau universiti di tangan orang lain. Dengan itu, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong individu melanjutkan pelajaran peringkat lebih tinggi serta mengenalpasti faktor-faktor yang benar-benar mendorong individu itu untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi.



Rajah 1: Kerangka Konsep.

## KAJIAN LEPAS

Banyak kajian yang telah dilakukan terhadap faktor yang mendorong seseorang individu membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Dalam proses membuat tinjauan terhadap kajian lepas terhadap isu ini, permasalahan yang serupa akan di ambil kira kerana kajian sebelum ini masih belum bersifat menyeluruh kepada organisasi yang dikaji. Selain itu tinjauan kajian lepas ini adalah satu proses sistematik yang memerlukan pembacaan

dan perhatian kepada butiran yang terperinci.

### Faktor pusat pengajian

Kedudukan sesebuah IPT menjadi salah satu faktor pendorong kepada pemilihan pelajar. Menurut Nadzri Mohamad (2002), universiti yang agak popular dalam sesuatu bidang akan menjadi tumpuan utama kebanyakan pelajar. Abdul Hair (2012) pula menyebut bahawa hasil kajiannya mendapati reputasi dan imej Universiti merupakan antara faktor utama menarik pelajar antarabangsa. Manakala kajian yang dilakukan

oleh School Relations and Diversity Outreach Office dan Institutional Research Office (2008) juga menyokong kenyataan bahawa reputasi kolej mempengaruhi pemilihan sesebuah institusi pengajian tinggi.

Universiti yang diiktiraf (akreditasi) adalah antara universiti yang menjadi pilihan pelajar, ia selari dengan pandangan Abdul Rahim, Ilias dan Razli (2005) bahawa pelajar mengutamakan kualiti sesebuah universiti dan pengiktirafan oleh badan-badan akreditasi bagi menjamin kemudahan pasaran, kebolehpasaran dan masa depan mereka setelah tamat pengajian. Abd Hair (2012) dalam kajian mengenai Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ialah mereka ingin mendapatkan pengalaman dan sistem belajar serta budaya yang baru. Ia menjadi salah satu tarikan pelajar untuk memilih sesebuah institusi pengajian tinggi. Memenuhi kehendak pasaran Abd Hair (2012) mendapati beberapa faktor pelajar antarabangsa memilih untuk melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menyatakan pelajar antarabangsa memilih untuk melanjutkan pengajian kerana mereka ingin mendapatkan pengalaman dan sistem belajar serta budaya yang baru. Beliau juga mendapati beberapa faktor pilihan seperti keupayaan institusi menyediakan keperluan dan memenuhi kehendak pasaran. Ini adalah sesuatu yang penting supaya menjamin masa hadapan pelajar selepas tamat pengajian kelak.

Kemudahan infrastruktur juga penting terutama dari segi aktiviti fizikal (Comfort dan Veronica, 2016). Tenaga pelajar yang dikenali ramai juga penting. Nadzri dan Abu Othman (2002) telah menyenaraikan beberapa faktor pemilihan kursus oleh pelajar dan antara faktor tersebut ialah mempunyai tenaga pengajar yang popular. Ini mempengaruhi pelajar untuk mengenali sesebuah institusi pengajian tinggi dan menarik minat pelajar untuk melanjutkan pengajian di tempat tersebut.

Kualiti perkhidmatan antara faktor penyumbang kepada pemilihan sesebuah institusi pengajian tinggi iaitu IPT yang mampu memberi perkhidmatan yang cekap dan efisien (Jaya Chitra, Nora'shikin dan Naziz, 2013). Ini termasuk proses pengajaran dan pembelajaran, komunikasi antara staf pentadbiran dengan pelajar dan lain-lain yang melibatkan perkhidmatan.

Aspek lain mengenai IPT juga penting. Kajian yang dilakukan oleh Rhys Davies (2003) mendapati jarak tempat pengajian daripada rumah adalah penting. Lokasi IPT adalah antara faktor pendorong dalam pemilihan IPT di kalangan pelajar Malaysia (Joseph Sia, 2010).

### Faktor informatif

Faktor ini berkaitan dengan sebaran maklumat dan strategi pemasaran oleh universiti. Sebaran maklumat iaitu strategi pemasaran yang dilakukan oleh IPT terutamanya IPTA dan IPTS menjadi antara faktor penarik pelajar memilih kursus pengajian yang ditawarkan oleh institusi tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Norziha (2006) bahawa mendapat sumber maklumat yang tepat membantu pemilihan sesebuah IPT dan promosi yang dilaksanakan oleh pihak yang terlibat menarik minat pelajar untuk melanjutkan pengajian di tempat tersebut. Maklumat IPT yang lengkap seperti kemudahan kolej, pembiayaan serta promosi yang menarik antara faktor penting dalam keputusan pelajar untuk memilih IPT (Joseph Sia, 2010)

### Faktor prospek masa depan

Abdul Hair (2012) mendapati beberapa faktor pelajar antarabangsa memilih untuk melanjutkan pengajian di UKM ialah jaminan peluang mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian serta kerjaya yang lebih menarik. Manakala menurut Davies (2003), pelajar perlu yakin bahawa kursus tersebut boleh memberi peluang kerjaya yang baik.

Pemindahan pengetahuan baru antara faktor pelajar antarabangsa memilih untuk melanjutkan pengajian di UKM (Abdul Hair, 2012). Ilmu pengetahuan ini akan memberi nilai tambah kepada pelajar apabila mereka kembali ke negara asal. Kos pengajian serta sara hidup yang rendah di sesebuah institusi pengajian tinggi menjadi salah satu faktor tarikan bagi pelajar melanjutkan pengajian. Pelajar antarabangsa boleh merancang masa depan mereka dengan lebih baik apabila IPT yang dipilih menawarkan kadar yuran yang rendah, berpatutan serta cara pembayaran yang Institusi yang menawarkan yuran yang rendah dan berpatutan serta cara pembayaran yang luwes.

### Faktor pengaruh luaran

Joseph Sia (2010) mendapati beberapa pelajar memilih untuk melanjutkan pengajian di IPT akibat pengaruh orang lain seperti syor ibu bapa dan saudara dalam memilih tempat pengajian. Kajian oleh School Relations & Diversity Outreach Office dan Institutional Research Office (2008) mendapati pengaruh rakan juga turut dikenal pasti sebagai berperanan dalam membantu pelajar membuat keputusan dalam pemilihan institusi pengajian tinggi.

### Faktor sendiri

Perkara ini menunjukkan bahawa motivasi responden sangat tinggi di mana responden sanggup mengikuti program secara separuh masa atau mod eksekutif atas inisiatif sendiri di samping menyahut cabaran hidup yang mendatang.

Siti Hawa Munji (1990) menyatakan bahawa motivasi menerusi inisiatif diri merupakan daya penggerak utama yang menjamin kejayaan seseorang untuk mencapai matlamat. Oleh hal yang demikian, dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma, sekurang-kurangnya responden berpendapat bahawa gred dalam perjawatan turut berubah dan kenaikan gaji juga akan diperolehi. Ini berkait rapat dengan motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi individu untuk berusaha bagi mendapatkan status sosial untuk taraf kehidupan yang lebih baik (Ramlah dan Mahani, 2002). Individu atau pekerja yang berminat untuk mempelajari sesuatu adalah merupakan pekerja yang produktif.

## METODOLOGI

Kaedah kajian yang digunakan adalah tinjauan berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu penggunaan set soal selidik yang diedarkan kepada responden menggunakan sistem e-mel. Kajian berbentuk deskriptif dapat memberikan hasil gambaran atau maklumat mengenai sesuatu keadaan pada suatu masa tertentu, di samping membantu untuk membuat perancangan pada masa akan datang (Wiersma, 1991). Kajian deskriptif hanya melibatkan punca dan akibat berdasarkan data yang diperolehi. Borang soal selidik digunakan sebagai alat untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Menurut Mohd Majid Konting (2000), instrumen borang soal selidik adalah kaedah paling mudah dan cepat untuk memperoleh maklumat penyelidikan.

### Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini melibatkan kakitangan yang bekerja di tiga (3) organisasi iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri di Jalan Duta, Lembaga Pertumbuhan Peladang di Kuala Lumpur dan Watsons di Central Plaza, Kuala Lumpur. LHDNM dan LPP dipilih sebagai mewakili agensi sektor kerajaan dan separa kerajaan manakala Watsons pula dikategorikan sebagai agensi sektor swasta yang mana difikirkan dapat merangkumi sampel secara majmuk dan melengkapinya dan ketiga-tiganya terletak di sekitar Kuala Lumpur bagi memudahkan proses kajian. Sebanyak 150 orang kakitangan telah

dipilih sebagai sampel kajian ini iaitu sebanyak 50 sampel daripada setiap organisasi. Persampelan secara selesa (convenient sampling) dipilih kerana kajian ini adalah tinjauan awal yang mana pengumpulan boleh dibuat dengan segera (Saunders, Lewis dan Thornhill, 2012)

### Instrumen Kajian

Instrumen yang dipilih untuk digunakan ialah soal selidik. Borang selidik turut dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A adalah bahagian demografi di mana soalan dalam bahagian ini mengumpul maklumat responden dari aspek jantina, umur, bangsa, taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan status perkahwinan. Manakala Bahagian B pula merupakan kenyataan yang berkaitan tentang kesedaran terhadap peluang melanjutkan pengajian ke IPT di kalangan organisasi terbabit. Responden juga perlu menjawab faktor-faktor dorongan terhadap peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Responden dikehendaki menjawab kenyataan tersebut mengikut Skala Likert antara 1, "Sangat Tidak Setuju (STS)" hingga 5, "Sangat Setuju (SS)".

## HASIL KAJIAN

Menerusi kajian yang telah dijalankan, kesemua 150 orang responden telah mengembalikan borang soal selidik yang telah diedarkan. Jadual 1 adalah mengenai latar belakang responden.

Majoriti responden masih muda iaitu kurang daripada 30 tahun (50.6%) dan merupakan kakitangan sokongan (65.3%) di organisasi mereka. Dengan pendapatan bulanan yang masih rendah, responden merasakan mereka perlu meningkatkan kerjaya mereka. Keseluruhannya, responden sedar yang mereka perlu menyambung pelajaran untuk meningkatkan kerjaya mereka. Jadual 2 adalah skor faktor pendorong serta keputusan sambung pelajaran di kalangan di tiga organisasi terbabit.

Faktor sendiri merupakan faktor yang menjadi pendorong utama bagi staf untuk melanjutkan pelajaran peringkat yang lebih tinggi dengan skor min iaitu 4.56. Faktor pengaruh luaran pula merupakan faktor yang paling rendah dengan nilai skor min tahap sederhana. Selain itu, faktor prospek masa depan merupakan salah satu faktor yang dominan dengan memperolehi kadar nilai skor min yang kedua tertinggi iaitu 4.50 manakala faktor pusat pengajian juga di kategorikan sebagai satu faktor penting yang boleh menyumbang kepada minat kakitangan terbabit untuk menyambung pengajian.

Jadual 1: Profil Responden ( N= 150)

Aspek	Kekerapan	Aspek	Kekerapan
Umur (tahun)		Tahap Jawatan	
• Bawah 20	11 (7.3 %)	• Staf Sokongan	98 (65.4%)
• 21 – 30	65 (43.3%)	• Pegawai	42 (28%)
• 31 – 40	52 (34.7%)	• Pengurusan Atasan	10 (6.7%)
• 40 dan ke atas	22 (14.7%)		
Pendapatan Bulanan (RM)		Pendidikan	
• Kurang 1500	27 (18%)	• SPM / Sijil	63 (42%)
• 1501 – 2000	33 (22%)	• Diploma	41 (27.4%)
• 2001 – 2500	46 (30.7%)	• Sarjana Muda	25 (16.7%)
• 2501 – 3000	22 (14.7%)	• Sarjana dan lebih tinggi	21 (14%)
• 3001 dan ke atas	22 (14.7%)		

Jadual 2: Faktor – factor pendorong Keputusan Melanjutkan Pengajian.

Faktor	Min	Sisihan Piawai	Tafsiran
1. Pusat Pengajian	4.44	0.70	Tinggi
2. Pengaruh Luar	3.00	0.51	Sederhana
3. Prospek masa Depan	4.5	0.45	Tinggi
4. Informasi Mengenai IPT	4.00	0.50	Tinggi
5. Kendiri	4.56	0.50	Tinggi
6. Kesedaran Lanjut Pelajaran	4.35	0.52	Tinggi

Skala Skor Min: 1.00 – 2.49 = Rendah; 2.50 – 3.49 = Sederhana; 3.5 – 5.00 = Tinggi (Skala diadaptasi daripada Mohd. Najib Bin Abdul Ghaffar, 1999)

Faktor informatif mengenai IPT merupakan faktor yang kedua terendah berbanding yang lain. Secara keseluruhannya, perbezaan kadar nilai skor min. Antara faktor-faktor pendorong adalah tidak terlalu signifikan dengan kadar perbezaan yang tidak terlalu tinggi.

## PERBINCANGAN

Faktor pilihan utama yang menjadi pendorong kesedaran untuk melanjutkan pelajaran adalah faktor sendiri. Data menunjukkan 91.2% responden bersetuju terhadap faktor ini. Ini menunjukkan bahawa motivasi responden sangat tinggi untuk melanjutkan pelajaran tanpa paksaan dan mengikut kerelaan hati. Dengan kata lain, responden memberikan maklumbalas mereka sanggup untuk melanjutkan pelajaran atas inisiatif diri sendiri dan untuk menyahut cabaran yang mendatang. Ini bertepatan dengan pendapat Siti Hawa Munji (1990) bahawa motivasi diri merupakan daya penggerak utama yang menjamin kejayaan seseorang untuk mencapai matlamat.

Bagi prospek masa depan, sebanyak 90% responden bersetuju bahawa dengan melanjutkan pelajaran, mereka dapat menentukan taraf profesion atau pun mempertingkatkan kerjaya yang sedia ada. Majoriti responden yang dikaji terdiri daripada penjawat awam yang berlatar belakangkan bukan profesional. Oleh itu, kriteria melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi menjadi sangat relevan dengan alasan sekurang-kurangnya mereka mampu mengecapi perubahan dalam gred perjawatan ke tahap lebih tinggi serta memperolehi kenaikan gaji yang dicita sekaligus meningkatkan taraf hidup mereka dan keluarga. Ini berkait rapat dengan motivasi ekstrinsik yang mempengaruhi individu untuk berusaha bagi mendapatkan status sosial untuk taraf kehidupan yang lebih baik (Ramlah dan Mahani, 2002).

Responden ingin melanjutkan pelajaran disebabkan oleh faktor pusat pengajian. Data menunjukkan 88.8% responden bersetuju akan hal ini. Dari aspek geografi, 46% responden bersetuju sekiranya lokasi pusat pengajian berhampiran dengan tempat tinggal ataupun pejabat dan ini menjadi aspek pendorong bagi mereka untuk melanjutkan pelajaran. Dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran IPT mengamalkan konsep sesi pengkuliah secara fleksibel sememangnya mampu menarik minat golongan bekerja untuk terus menambahkan ilmu pengetahuan tanpa berhenti kerja. Elemen lain seperti yuran yang berpatutan sememangnya memberikan impak tinggi dalam menarik minat responden. Fleksibiliti dalam pembayaran yuran juga penting bagi membolehkan

pekerja merancang kewangan mereka. Responden bersetuju bahawa mereka terdorong untuk melanjutkan pelajaran menerusi aktiviti pemasaran IPT seperti hari bersama pelanggan, hebahan ahli keluarga dan rakan-rakan serta pengiklanan di media massa. Ini menunjukkan maklumbalas yang positif bagi IPT untuk mempertingkatkan strategi pemasaran mereka. Walaupun pada skala sederhana, faktor luaran juga penting. Lebih 54% responden bersetuju aspek dorongan dari rakan atau teman sepejabat yang masih atau pernah melanjutkan pengajian menjadi motivasi untuk menyambung pengajian.

## KESIMPULAN

Kajian mendapati kakitangan yang bekerja mempunyai pandangan yang positif terhadap masa depan mereka jika mereka berpeluang untuk menyambung pelajaran di tahap yang lebih tinggi di mana-mana IPT. Faktor Kendiri merupakan faktor penting dalam menentukan keputusan mereka untuk menyambung pengajian. Aspek-aspek seperti keyakinan bahawa ilmu adalah penting untuk memajukan diri dan pembelajaran sepanjang hayat memainkan peranan dalam mengubah perspektif pemikiran mereka untuk menyambung pengajian. Prospek masa depan juga merupakan faktor yang berkait rapat dengan faktor sendiri di mana aspek untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih baik perlu kepada peningkatan dalam kelayakan akademik.

Peranan IPT dalam memberi dorongan kepada mereka yang bekerja ialah menawarkan waktu yang fleksibel dalam pengajian dan memberi peluang kepada mereka untuk membuat pilihan menentukan bidang pengajian. Faktor sampingan yang lain juga diambilkira seperti aspek sosio-ekonomi yang dapat memberi inspirasi dalam menentukan hala tuju mereka dalam bidang pengajian. Pendedahan maklumat dan promosi yang berkesan dari pihak IPT menjadi faktor dorongan yang boleh mempengaruhi keputusan untuk menyambung pelajaran.

Galakan kerajaan kepada masyarakat perlu dipertingkatkan dalam memberi kesedaran kepada warga kerja untuk melanjutkan pelajaran bagi keperluan modal insan berpengetahuan tinggi di masa akan datang (Berita Harian, 2010). Dorongan majikan untuk pekerjaannya melanjutkan pelajaran juga amat penting. Justeru itu, pihak majikan boleh mengambil inisiatif untuk memperuntukan perbelanjaan bagi membantu para pekerja yang berminat menyambung pengajian selain melatih semula dan mempertingkatkan kemahiran pekerja selaras dengan keperluan organisasi.

## RUJUKAN

- Abd. Rahim Romlee, Ilias Said dan Razli Ahmad (2005). "Emerging New Challenges On Service Quality In Higher Learning Institution: The Case of UUM". *Proceeding 2005 National Conference On Tertiary Education: Malaysian Academic Integrity In Facing New Challenges*, 26-28 July 2005, UiTM Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Abdul Hair, 2012, Faktor tarikan pelajar siswazah antarabangsa ke universiti penyelidikan di Malaysia dalam Geografia online *Malaysia Journal of Society dan Space*, UKM.
- Pembelajaran Sepanjang Hayat Jadi Agenda Tingkat Keupayaan Modal Insan Negara* (20 Ogos, 2010, Berita Harian)
- Barries to Enrollment: High school students' perception of what it will take to go to college, 2008, School Relation and diversity Outreach office and Institutional Research Office.
- Comfort, O.A dan Veronica, O, A. (2016). Impact of physical facilities on student' level of motivation and academic performance in schools in South West Nigeria, *Journal of Education and Practice*, 7(4), 38-42.
- Statistik Perjawatan, Sistem Pengurusan Insan LHDNM* (2016). <https://spi.hasil.gov.my/PortalLogin.aspx>
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Nadzri Bin Mohamad, Abu Othman bin Md. Tap, 2002, Keutamaan pemilihan bidang dan tempat pengajian: pendekatan konjoin kabur, dalam *Jurnal teknologi maklumat dan sains kuantitatif*. UiTM Press.
- Norziha Jusoh (2006). "Kajian Mengenai Faktor-faktor Pemilihan Pelajar Matrikulasi Ke Universiti Tempatan (IPTA) dan Kursus Pendidikan.
- Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2002). *Psikologi Pendidikan: Pendekatan Kontemporari*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd
- Rhys Davies, 2003, *Dropping Out: A study Of Early Leavers from Higher Education*. Department for education dan skill. Norwich.
- Rahmah Ismail, Ab. Razak & Zaini Mahbar (2001). "Persepsi dan Keperluan Majikan Sektor Awam Terhadap Graduan Ekonomi. Dalam Rahmah Ismail & Faridah Shahadan (ed.) Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Ekonomi di Persimpangan Jalan. September 1999.
- Saunders, M., Lewis, P. & Thornhill, A. (2012) *Research Methods for Business Students*, 6<sup>th</sup> edition, Pearson Education Limited.
- Siti Hawa Munji (1990). *Pengantar Psikologi*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Universiti Kebangsaan Malaysia (2002). *Kajian Pengesanan Graduan UKM 2002*. Bangi: Pusat Pembangunan Pelajar, UKM.
- Wiersma, William (1991). *Research Methods in Education: An Introduction*. Penerbit: National Library of Australia
- Mohd Ridzuan Naemat  
03-13A, Ketapang Villa, Taman Nirwana,  
68000 Ampng,  
Selangor.  
E-mel: wan\_nae@yahoo.com
- Mohd Khairil Khalid  
No 370, Blok 9, Felda Raja Alias Satu,  
72120 Bandar Seri Jempol,  
Negeri Sembilan  
E-mel: khairil.lpp@gmail.com
- Mohd Radzuan Harun  
C-9-2 Kuarter Hospital Ampang,  
Jalan Mewah Utara, Pandan Mewah,  
68000 Ampang, Selangor.  
E-mel: onez\_zrieq@hotmail.com
- Azhar Ahmad  
Pusat Pengajian Pengurusan,  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti  
Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor.  
E-mel: azah@ukm.edu.my
- Lokhman Hakim Osman  
Pusat Pengajian Pengurusan,  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti  
Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi, Selangor.  
E-mel: lokhman@ukm.edu.my